

D.R. 25/2017

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 2017.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memasukkan sebelum takrif “hakim” takrif yang berikut:

‘ “bantuan guaman” ertinya khidmat bantuan guaman sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 2A;’;
dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif “hakim” takrif yang berikut:

‘ “kanak-kanak” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*];’.

Bahagian baharu IA

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian I Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IA

KHIDMAT BANTUAN GUAMAN

Khidmat bantuan guaman

2A. (1) Khidmat bantuan guaman yang diberikan di bawah Akta ini hendaklah terdiri daripada yang berikut:

- (a) bantuan guaman dalam kes jenayah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian III;
- (b) bantuan guaman dalam tindakan sivil sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian IV;
- (c) nasihat guaman sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian V;
- (d) khidmat pengantaraan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian VA; dan
- (e) khidmat pendamping guaman sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian VB.

(2) Khidmat bantuan guaman yang disebut dalam subseksyen (1) boleh diberi kepada warganegara Malaysia sahaja.

Fi pendaftaran

2B. (1) Mana-mana orang yang telah layak bagi bantuan guaman di bawah Akta ini adalah dikehendaki untuk membayar kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman fi pendaftaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

(2) Fi pendaftaran yang dibayar di bawah subseksyen (1) hendaklah dibelanjakan bagi maksud mentadbir khidmat bantuan guaman.”.

Pindaan seksyen 15

4. Seksyen 15 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 15(2)(b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) dia berpuas hati bahawa pemohon itu memenuhi kriteria dan ujian kemampuan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.”.

Pindaan seksyen 16

5. Seksyen 16 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 16(1)(b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) dia berpuas hati bahawa pemohon itu memenuhi kriteria dan ujian kemampuan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.”.

Pemotongan seksyen 16B

6. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 16B.

Pindaan seksyen 18

7. Subseksyen 18(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “sekali gus atau secara ansuran” dengan perkataan “bagi suatu jumlah wang sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri bagi maksud mentadbir khidmat bantuan guaman”.

Pindaan seksyen 29

8. Seksyen 29 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “orang yang bermastautin dan berada di” dengan perkataan “warganegara”; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Seseorang yang meminta nasihat guaman hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman dan adalah dikehendaki untuk memuaskan hati Ketua Pengarah Bantuan Guaman bahawa dia tidak mampu untuk mendapatkan nasihat guaman itu mengikut cara biasa.”.

Bahagian baharu VB

9. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian VA Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN VB

KHIDMAT PENDAMPING GUAMAN

Penyediaan khidmat pendamping guaman

29G. (1) Tertakluk kepada Bahagian ini, khidmat pendamping guaman berhubung dengan mana-mana prosiding bagi perihal kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Kelima boleh disediakan bagi mana-mana orang.

(2) Menteri boleh melalui perintah meminda Jadual Kelima.

Kelayakan bagi khidmat pendamping guaman

29H. (1) Mana-mana orang layak untuk membuat permohonan kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman untuk mendapatkan khidmat pendamping guaman jika—

(a) dia ialah seorang kanak-kanak yang menjadi mangsa mana-mana kesalahan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima; dan

(b) dia masih seorang kanak-kanak pada masa prosiding dimulakan di mahkamah.

(2) Ketua Pengarah Bantuan Guaman boleh memberikan suatu perakuan bantuan guaman kepada seseorang pemohon yang berhak di bawah Bahagian ini kepada khidmat pendamping guaman apabila dia berpuas hati bahawa pemohon itu telah memenuhi kehendak dalam subseksyen (1).

(3) Mana-mana orang yang diberikan perakuan bantuan guaman di bawah subseksyen (2) boleh dikehendaki untuk membayar kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman suatu sumbangan bagi suatu jumlah wang sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

(4) Sumbangan yang dibayar di bawah subseksyen (3) hendaklah dibelanjakan bagi maksud mentadbir khidmat bantuan guaman.

Khidmat pendamping guaman

291. (1) Khidmat pendamping guaman boleh diberi bagi maksud yang berikut:

- (a) untuk menasihati penjaga, atau pelindung orang yang dibantu yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis mengenai perkara undang-undang;
- (b) untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan yang berhubungan dengan pertuduhan terhadap mana-mana orang tertuduh dalam mana-mana prosiding jenayah yang orang yang dibantu merupakan mangsa;
- (c) untuk mendampingi orang yang dibantu dalam mana-mana prosiding di mahkamah, dan dengan kebenaran mahkamah, untuk bercakap bagi pihak orang yang dibantu, jika perlu; dan
- (d) untuk menasihati penjaga, atau pelindung orang yang dibantu yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan apa-apa tindakan sivil yang boleh dibawa atau dimulakan oleh orang yang dibantu, jika ada.

(2) Ketua Pengarah Bantuan Guaman boleh pada bila-bila masa memberhentikan khidmat pendamping guaman yang diberi kepada orang yang dibantu.”.

Pindaan seksyen 32

10. Subseksyen 32(2) Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (ca), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (ca) perenggan yang berikut:

“(cb) untuk mengawal selia amalan dan tatacara khidmat pendamping guaman; dan”.

Jadual baharu Kelima

11. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Keempat Jadual yang berikut:

“JADUAL KELIMA

[Subseksyen 29G(1)]

PERIHAL KESALAHAN YANG BERKENAAN DENGANNYA
KHIDMAT PENDAMPING GUAMAN BOLEH DIBERIKAN

Semua kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang bertulis.”.

Kecualian

12. Mana-mana permohonan yang telah dibuat atau tindakan yang dimulakan di bawah Akta ibu yang belum selesai sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah terus menjadi sah dan hendaklah diuruskan di bawah Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971 (“Akta 26”). Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk mengukuhkan aspek pelaksanaan khidmat bantuan guaman ke arah menyediakan khidmat yang lebih baik. Secara khususnya, pindaan ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi khidmat pendamping guaman bagi kanak-kanak yang merupakan mangsa mana-mana kesalahan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima yang dicadangkan.

2. *Fasal 1* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 26 untuk memasukkan takrif baharu “bantuan guaman” dan “kanak-kanak”.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu IA ke dalam Akta 26. Seksyen 2A yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa khidmat bantuan guaman boleh diberi kepada warganegara Malaysia sahaja. Seksyen 2B yang dicadangkan bertujuan untuk menghendaki mana-mana orang yang layak bagi bantuan guaman di bawah Akta 26 untuk membayar kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman fi pendaftaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri yang hendaklah dibelanjakan bagi maksud mentadbir khidmat bantuan guaman.

5. *Fasal 4* dan *5* bertujuan untuk meminda perenggan 15(2)(b) dan 16(1)(b) Akta 26, masing-masing untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan kriteria dan ujian kemampuan yang hendaklah dipenuhi oleh pemohon supaya diberikan perakuan bantuan guaman oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman yang berkaitan dengan apa-apa prosiding sivil atau apa-apa prosiding yang lain.

6. *Fasal 6* bertujuan untuk memotong seksyen 16B Akta 26 untuk mengeluarkan kehendak untuk membayar kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman suatu jumlah wang sebanyak dua ringgit sebagai fi pendaftaran. Peruntukan yang dipotong itu digubal semula dalam seksyen 2B yang dicadangkan (*fasal 3*) yang memperuntukkan bahawa jumlah wang fi pendaftaran hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

7. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda subseksyen 18(1) Akta 26 untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan jumlah wang sumbangan yang dikehendaki untuk dibayar kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman bagi maksud mentadbir khidmat bantuan guaman.

8. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 29 Akta 26. *Subfasal 8(a)* bertujuan untuk meminda subseksyen 29(1) Akta 26 untuk menghadkan nasihat guaman yang diberikan mengenai apa-apa perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, Ketiga dan Keempat kepada warganegara Malaysia sahaja. *Subfasal 8(b)* bertujuan untuk meminda subseksyen 29(4) Akta 26 untuk menghendaki seseorang yang meminta nasihat guaman untuk memohon kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman dan memuaskan hati Ketua Pengarah Bantuan Guaman bahawa dia tidak mampu untuk mendapatkan nasihat guaman itu mengikut cara biasa.

9. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu VB ke dalam Akta 26 yang memperkatakan khidmat pendamping guaman.

Seksyen 29G yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tertakluk kepada peruntukan Bahagian VB yang dicadangkan, khidmat pendamping guaman berhubung dengan mana-mana prosiding bagi perihal kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Kelima yang dicadangkan boleh disediakan bagi mana-mana orang dan bahawa Menteri boleh melalui perintah meminda Jadual Kelima.

Seksyen 29H yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang merupakan seorang kanak-kanak dan yang menjadi mangsa mana-mana kesalahan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima yang dicadangkan dan masih kanak-kanak pada masa prosiding dimulakan di mahkamah boleh memohon untuk mendapatkan khidmat pendamping guaman dan diberikan perakuan bantuan guaman bahawa pemohon itu berhak kepada khidmat pendamping guaman. Seksyen 29H yang dicadangkan juga bertujuan untuk menghendaki pemohon yang diberikan perakuan bantuan guaman untuk membayar kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman suatu sumbangan bagi suatu jumlah wang sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri yang hendaklah dibelanjakan bagi maksud mentadbir khidmat bantuan guaman.

Seksyen 29I yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi maksud khidmat pendamping guaman yang antara lain untuk menasihati penjaga, atau pelindung orang yang dibantu yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis mengenai perkara undang-undang, untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan yang berhubungan dengan pertuduhan terhadap orang tertuduh dalam mana-mana prosiding jenayah yang orang yang dibantu merupakan mangsa dan untuk mendampingi orang yang dibantu dalam mana-mana prosiding di mahkamah, dan dengan kebenaran mahkamah, untuk bercakap bagi pihak orang yang dibantu. Seksyen 29I yang dicadangkan juga memberi Ketua Pengarah Bantuan Guaman kuasa untuk memberhentikan pada bila-bila masa khidmat pendamping guaman yang diberi kepada orang yang dibantu.

10. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda subseksyen 32(2) Akta 26 untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan untuk mengawal selia amalan dan tatacara khidmat pendamping guaman.

11. *Fasal 11* bertujuan untuk memasukkan Jadual baharu Kelima ke dalam Akta 26 untuk mengadakan peruntukan bagi perihal kesalahan yang berkenaan dengannya khidmat pendamping guaman boleh diberikan.

12. *Fasal 12* memperkatakan tentang peruntukan kecualian.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.